

**SULIT**  
**1103/2**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 2**  
**2018**  
2½ jam

---

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN**  
**SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2018**

**BAHASA MELAYU**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

---

**JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
  2. *Jawab semua soalan.*
  3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.*
  4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak.

**Soalan 1 : Rumusan**

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faedah-faedah pengurusan masa dengan berkesan dan kekangan untuk menguruskan masa bagi seseorang pelajar. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan masa yang berkesan? Pengurusan masa bermaksud pembahagian masa dengan betul supaya aktiviti harian seseorang dapat dijalankan dengan baik dan tidak mengganggu atau boleh dimaksudkan sebagai pembahagian masa yang cekap. Dewasa ini, kita sering mendengar berita tentang pelajar yang terjerumus dalam kancah kemaksiatan ataupun penyalahgunaan dadah. Mengapakah hal ini boleh berlaku dalam kalangan pelajar? Hal ini berlaku disebabkan pelajar itu mudah terpengaruh oleh anasir-anasir buruk. Pelajar yang terlibat dalam kegiatan ini tidak dapat mengurus masa dengan cekap. Justeru, mereka sering membuang masa dengan sia-sia sahaja. Oleh itu, pengurusan masa amat penting dalam kehidupan seseorang pelajar.

Langkah pertama untuk mengendalikan masa secara berkesan ialah pelajar digalakkan menyediakan jadual belajar masing-masing. Jadual waktu belajar dapat membantu pelajar mengurus masa dengan berkesan. Pelajar dapat memanfaatkan masa untuk mengulang kaji pelajaran secara menyeluruh dan bersiap sedia untuk menghadapi peperiksaan. Hal ini dapat mengelakkan pelajar daripada kesuntukan masa untuk mengulang kaji pelajaran apabila peperiksaan sudah hampir. Pelajar yang berjaya biasanya terdiri daripada mereka yang membuat persediaan awal. Bagi pelajar yang tidak membuat persediaan awal kerana sibuk membuang masa tentulah tidak dapat menghabiskan semua tajuk sebelum peperiksaan. Di samping itu, masa yang terluang dapat digunakan untuk aktiviti yang berfaedah seperti membaca bahan ilmiah dan melayari Internet untuk mencari maklumat tentang pelajaran. Masa jangan dibiarkan berlalu begitu sahaja. Seperti yang kita ketahui bahawa masa itu amat berharga bak kata pepatah 'masa itu emas'. Pelajar bukan sahaja dapat menggunakan masa dengan berfaedah, tetapi juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan.

Tambahan pula, pelajar dapat memanfaatkan masa dengan keluarga tersayang bagi memupuk sikap kasih sayang dalam keluarga. Hal ini dilihat apabila masa diperuntukkan bersama-sama keluarga melakukan aktiviti sampingan seperti bersenam, bersiar-siar, menonton televisyen, beribadat dan sebagainya. Kebaikan menguruskan masa sebaik mungkin ialah pelajar dapat menjalankan kegiatan riadah supaya mempunyai badan yang sihat dan otak yang cerdas. Keadaan ini dapat menanamkan sifat bertanggungjawab dan berdisiplin dalam diri pelajar. Melalui cara ini, pelajar dapat mengamalkan hidup yang berdisiplin dan bermakna. Faedah menguruskan masa ialah para pelajar berupaya menggunakan masa senggang pada hari cuti sekolah untuk membaiki kelemahan diri dalam pelajaran. Hal ini boleh dilakukan dengan membuat latihan, mencari maklumat di perpustakaan, dan menghadiri kelas tambahan. Selain itu, masa cuti sekolah bertujuan untuk memberi pelajar peluang bagi menenangkan fikiran setelah bertungkus-lumus sepanjang tahun. Para pelajar boleh membuat kerja kebajikan seperti melibatkan diri dalam kerja gotong-royong, aktiviti membersihkan kawasan perumahan dan membantu orang yang perlu pertolongan. Malah mereka juga boleh

mencari kerja sampingan untuk mendapatkan kemahiran dan wang. Wang yang diperoleh dapat menampung perbelanjaan sekolah.

Kesimpulannya, sebagai pelajar kita bukan sahaja perlu berjaya dalam pelajaran tetapi juga perlu berjaya dalam bidang sukan, aktiviti kokurikulum, agama dan aktiviti kemasyarakatan. Oleh itu, kita perlu mengurus masa dengan betul supaya aktiviti harian dapat dijalankan dengan berkesan, seterusnya *melahirkan modal insan* yang bermoral selaras dengan Wawasan 2020. Pelajar yang pandai mengurus masa biasanya akan berjaya dalam kehidupan dan berani menghadapi rintangan hidup. Hal ini akan menjamin kehidupan yang bahagia pada masa hadapan.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Pengurusan Masa Yang Berkesan'  
oleh Sham al-Johori, *Minda Pelajar*, Januari 2008)

### Soalan 2: Pemahaman

[ 35 markah ]

#### Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *melahirkan modal insan*.

[2

markah]

- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa kejayaan yang harus dicapai oleh seorang pelajar selain pelajaran.

Nyatakan **dua** kejayaan tersebut.

[3

markah]

- (iii) Jadual belajar amat penting untuk membantu pelajar menguruskan masa dengan berkesan bagi mencapai kejayaan yang cemerlang.

Pada pendapat anda, bagaimanakah penyediaan jadual belajar dapat membantu kecemerlangan seseorang pelajar?

[4

markah]

#### Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Pada hari keenam, kami berpeluang melawat Egyptian Market, sebuah tempat membeli-belah yang mempunyai dataran burung merpati yang jinak seperti di Trafalgar Square. Kedudukannya di pinggir Selat Bosphorus yang menemukan arus benua Asia dan Eropah membuatkan suhu di situ begitu sejuk. Kedua-dua belah tanganku menggigil di dalam poket jaket kain. Kedua-dua belah kakiku bersarung stoking bulu kambing di dalam kasut kulit, turut terasa dingin.

Aku tidak dapat membayangkan jika aku menjadi wanita tua yang menjual makanan burung di situ. Pakaiannya hanya kain kapas yang nipis. Tudungnya ditarik menutupi sebahagian mukanya yang merah kesejukan. Kakinya berstoking lusuh. Kasutnya, aku tidak pasti sama ada aku sedang melihat warna stoking kehijauan di hujung kasutnya yang koyak, atau warna kasutnya.

Aku membeli tiga piring makanan burung dan mamberinya LT5 walaupun harga satu piring cuma LT1. Wanita tua itu menyusun sepuluh jari sebelum mengarahkan jarinya ke dada sebagai tanda terima kasih. Aku menaburkan bijirin. Beratus-ratus burung merpati berterbangan turun dari kubu tinggalan kerajaan Uthmaniah. Nasib burung itu jauh lebih baik daripada nasib wanita tua itu, dapat makanan percuma dan gambarnya diabadikan dalam kamera sedangkan wanita tua itu seakan-akan figura hidup yang tidak disedari kewujudannya.

(Dipetik daripada cerpen 'Jaket Kulit Kijang dari Istanbul'  
oleh Maskiah Haji Masrom  
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari*

*Istanbul,*

Dewan Bahasa dan

Pustaka)

- (i) Berdasarkan petikan cerpen di atas, apakah gambaran keadaan wanita tua yang menjual makanan burung di Egyptian Market?

[2

*markah]*

- (ii) Pada masa ini, terdapat banyak golongan tua yang disisihkan dan terabai.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk membela kehidupan golongan tua yang terbiar dan disisihkan oleh masyarakat sekeliling?

[3

*markah]*

- (iii) Jelaskan **satu** persoalan yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** persoalan yang lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan.

[4

*markah]*

### Soalan 2 (c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka sembah Laksamana, “Daulat tuanku, tiada patik bertemu. Insyallah Taala, kelak malam patik cuba main penjurit itu, dengan berkat arwah guru patik.” Maka raja pun diamlah.

Setelah hari malam maka Kertala Sari pun memakai pakaian yang indah-indah dan memakai bau-bauan yang harum lalu masuk ke dalam kota, dalam hatinya, “Pada malam ini aku masuk membakar dan mengamuk, kerana harta orang Melaka itu pun habis aku curi.”

Sebermula maka Laksamana pun memakai pakaian penjurit. Maka Laksamana pun berjalanlah. Pada malam itu kelam-kabut dan hujan pun rintik-rintik. Maka Kertala Sari pun masuklah ke dalam kota. Maka Laksamana pun tidur di tengah pasar itu. Maka didengar oleh Laksamana kaki Kertala Sari itu *terlalu gemuruh bahananya*. Maka Laksamana pun tahulah akan Kertala Sari datang itu. Maka Kertala Sari pun berjalanlah ke tengah pasar itu. Maka tertendang kakinya pada tubuh Laksamana.

Maka Kertala Sari pun berdirilah atas kepala Laksamana itu, katanya, “Teririk bangkai pula aku ini!”

Adapun akan Laksamana tidur itu kerisnya sudah terhunus, lalu ia bangun melompat menikam dada Kertala Sari terus ke belakangnya.

Maka Laksamana pun berkata, “Ceh, mati engkau olehku!”

(Dipetik daripada 'Kepimpinan Melalui Teladan' dalam antologi *Jaket Kulit Kijang* dari

*Istanbul,*

Dewan Bahasa dan

Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *terlalu gemuruh bahananya*.

[2

*markah]*

- (ii) Nyatakan perancangan awal yang dilakukan oleh Laksamana sebelum berjaya menikam dada Kertala Sari.

[3

*markah]*

- (iii) Tempat tinggal yang selamat penting dalam usaha menjamin keharmonian sesebuah keluarga.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk memastikan keselamatan di tempat tinggal anda?

[3

*markah]*

## Soalan 2 (d) – Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

### ERTI HIDUP BERERTI

Aku selalu didatangi  
malam sepi  
bagai kalung  
yang melingkari leherku  
tidak berubah keesokan hari  
siapa yang akan datang menjengukku  
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik  
kehijauan rumput  
hanya menjadi bayangan  
di penjuru ruang zaman  
cinta dalam rahim dilupai  
dari sulung ditendang ke bongsu  
dari angh ditendang ke sulung balik  
kucari erti hidup  
menderita mengerang sakit  
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka  
tiada makna  
anakku bakaku  
baik setia mahupun derhaka  
semoga disirami benih keinsafan  
menjadi penawar dalam hati  
embun cinta atasi angin dingin  
jangan terpegun  
ada yang mati  
ada yang hidup  
tiada yang kekal kecuali Tuhan

### Teo Wei Sing

*Antologi Sejadah Rindu*  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Nyatakan maksud rangkap pertama sajak di atas.

*markah]*

[2

- (ii) Ibu bapa merupakan insan yang banyak berjasa dalam usaha membesarkan anak-anak sehingga berjaya tetapi mereka tidak pernah mengharapkan sebarang balasan.

Pada pendapat anda, sebagai seorang anak yang baik, bagaimanakah anda dapat membalas jasa kedua-dua ibu bapa anda?

[3

*markah]*

- (iii) Huraikan **dua** pengajaran yang terdapat dalam sajak tersebut.

[4

*markah]*

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[ 30 *markah* ]*Jawab semua soalan*

- (a) Tulis **satu ayat** bagi setiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan anda faham maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) lauk-pauk
- (ii) mandi-manda
- (iii) desas-desus
- (iv) lintang-pukang
- (v) gilang-gemilang
- (vi) turun-temurun

[6 *markah*]

- (b) Cerakinkan ayat majmuk dalam perenggan di bawah kepada **enam** ayat tunggal tanpa mengubah maksudnya.

Golongan muda merupakan modal insan yang tidak ternilai kepada negara kerana mereka ialah pelapis untuk memimpin negara pada masa akan datang. Oleh itu, setiap golongan muda perlu melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu pengetahuan dan segala kemahiran agar mampu bersaing pada peringkat antarabangsa. Selain itu, pembinaan sahsiah juga harus sentiasa dipupuk dalam diri setiap golongan muda.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Bantuan perlengkapan sekolah seperti beg dan unifom telah diserahkan kepada anak-anak mangsa banjir itu.
- (ii) Gadis manis yang berpakai baju berwarna merah dan berambut kerinting itu berasal dari pedalaman Sabah.
- (iii) Ombak laut yang semakin mengila telah menyukarkan kami untuk merialisasikan cita-cita sebagai rakyat pertama negara menyeberangi selat tersebut.

[6

markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Lukisan-lukisan yang cantik-cantik di galeri itu telah musnah dijulang api dalam kebakaran yang berlaku lewat malam tadi.
- (ii) Dari masa ke semasa, pihak polis meronda di kawasan perumahan itu kerana disangsi menjadi tempat persembunyian penculik.
- (iii) Kakak telah menerima hadiah sebuah komputer riba dari ayah kerana berjaya memperoleh keputusan yang tinggi dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.

[6

markah]

(e) *Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian nyatakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan petikan tersebut.*



“Bersabarlah Husna,” pujuk Syafika kepada rakan karibnya yang bukan sahaja emaknya dirawat di hospital pesakit jiwa, malah ayahnya juga ditahan di hospital kerana mengalami keracunan makanan.

“Sampai hati Mak Pah buat begini. Saya sudah berusaha sedaya upaya untuk menyelamatkan anaknya, tetapi dia bukan sahaja tidak menghargai pertolongan saya, malah menuduh saya pembunuh anaknya,” luah Husna dengan nada sedih.

“Jangan fikirkan sangat cakap Mak Pah itu. Perkara penting yang harus kamu utamakan sekarang ialah teruskan usaha kamu supaya cita-cita kamu tercapai,” nasihat Syafika.

[6

*markah]*

#### Soalan 4 : Novel

[15 *markah]*

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) *Leftenan Adnan Wira Bangsa* karya Abdul Latip Talib
- (ii) *Di Sebalik Dinara* karya Dayang Noor
- (iii) *Jendela Menghadap Jalan* karya Ruhaini Matdarin
- (iv) *Pantai Kasih* karya Azmah Nordin
- (v) *Songket Berbenang Emas* karya Khairuddin Ayip
- (vi) *Tirani* karya Beb Sabariah
- (vii) *Bimasakti Menari* karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (viii) *Silir Daksina* karya Nizar Parman

- (a) Latar tempat memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan cerita dalam sesebuah karya.

Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, jelaskan **dua latar tempat** yang terdapat dalam novel tersebut.

[7 *markah]*

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa bagi setiap novel yang menunjukkan kepincangan masyarakat.

[8 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**